



**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BIL. 4 TAHUN 2019**

Semua Pegawai Pengawal,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

---

**PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2019  
KEPADA PESARA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

---

# PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2019 KEPADA PESARA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK

## 1. TUJUAN

- 1.1 Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Bajet 2019 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, dan dilaksanakan melalui dua kali pembayaran.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pembayaran kali kedua BKK Bajet 2019 tersebut khusus untuk pesara Kerajaan Negeri Perak yang bersara mulai 1 Januari 2019 hingga sebelum atau pada tarikh pembayaran BKK kali kedua pada 15 Mei 2019.

## 2. PEGAWAI YANG LAYAK DIBAYAR

- 2.1 Pesara yang layak dibayar adalah mereka yang telah bersara dari perkhidmatan awam Negeri Perak dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 Mei 2019.
- 2.2 Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service / Contract for Service* juga layak dibayar BKK ini.
- 2.3 Bagi maksud pembayaran BKK Bajet 2019 kali kedua ini, ia dibayar pada kadar setengah bulan gaji atau RM1,000, mengikut mana yang lebih tinggi, dengan formula seperti berikut:

$\frac{\text{Hari Berkhidmat}}{135 \text{ hari}} \times \frac{1}{2} \times [\text{Gaji Pokok atau RM2,000}] - \text{RM225}$
---

### 3. PEMBAYARAN

- 3.1 Pembayaran BKK Bajet 2019 ini adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat atau sedang berkhidmat (untuk lantikan selepas bersara secara *Contract of Service / Contract for Service*).
- 3.2 Pembayaran mestilah disegerakan mulai tarikh pekeling ini berkuat kuasa.
- 3.3 Bagi maksud formula perkiraan:
  - i. Gaji Pokok merujuk kepada Gaji Pokok terakhir pegawai sebelum bersara, tidak termasuk apa-apa elaun lain. Manakala bagi pesara sedang berkhidmat, berdasarkan Gaji Pokok pada bulan Mei 2019 tidak termasuk elaun-elaun lain; dan
  - ii. 'Hari Berkhidmat' adalah perkiraan hari berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Negeri (sebelum bersara dan dalam *Contract of Service / Contract for Service*), termasuklah semua jenis cuti bergaji penuh yang layak.

Sekian, terima kasih.

#### **'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menjalankan amanah,

  
( DATO' ABU BAKAR BIN HAJI SAID )

Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 29 Mei 2019.

**Salinan kepada:**

1. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.
2. Bendahari Negeri Perak  
Pejabat Kewangan Negeri Perak.
3. Pegawai Teknologi Maklumat  
Pejabat Kewangan Negeri Perak.

Pekeliling ini boleh di muat turun melalui  
<http://kewangan.perak.gov.my>